




Tembok runtuh di UPM

muka 12



Kolej berdentum

Runtuhan tanah rosakkan tujuh motosikal pelajar UPM

>>Oleh Na'imeh Mohamed
dan Nurasyikin Ramli
am@hmetro.com.my

SERDANG: Hujan lebat di sekitar Lembah Klang semalam menyebabkan satu lagi kejadian tanah runtuh, kali ini di Kolej Serumpun, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, jam 6.15 petang.

Tiada kerosakan teruk tetapi tujuh motosikal milik penuntut di kolej itu rosak teruk selepas dihempap tembok penghadang tanah yang runtuh.

Tembok penghadang enam meter panjang dan dua meter tinggi runtuh dipercayai akibat pergerakan tanah di kawasan itu.

Ketika kejadian, kebanyakannya pelajar berehat di bilik masing-masing sebelum mereka dikejutkan dengan



RUNTUH...tembok penghadang di UPM menghempap motosikal pelajar.

bunyi dentuman kuat.

Saksi, Amir Aizat, 24, berkata, selepas mendengar bunyi dentuman kuat dari belakang kolej, keadaan menjadi riuh-rendah apabila beberapa pelajar berlari ke

tempat kejadian.

"Saya melihat tebing runtuh dan menghempap tujuh motosikal pelajar," katanya.

Seorang lagi saksi, Muhammad Haroon, 25, berkata, ketika kejadian, dia

mengulang kaji pelajaran di dalam bilik di tingkat dua bagi menghadapi peperiksaan di sebelah malam.

"Tiba-tiba saya terdengar bunyi kuat dan turun melihat," Katanya.